

# Guna elektrik tinggi tidak harus menikmati subsidi - PM

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM dan MOHD. HUSNI MOHD. NOOR  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Tiada lagi subsidi tarif elektrik bagi kediaman yang menggunakan bekalan elektrik yang tinggi pada masa depan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurutnya, kediaman yang dikategorikan sebagai 'penggunaan elektrik tinggi' tidak seharusnya menikmati subsidi tarif elektrik disediakan kerajaan.

"Ini bermakna B40 dan M40 masih kekal tiada kenaikan (tarif elektrik), namun kediaman yang menggunakan elektrik yang tinggi akan dikenakan bayaran ikut harga pasaran.

"Mereka kena faham, memang benar tiada kenaikan bagi 90 peratus rakyat, namun bagi rumah-rumah yang menggunakan elektrik berlebihan termasuk penggunaan penyaman udara yang banyak (akan ada kenaikan tarif)," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Ne-



**ANWAR Ibrahim beramah mesra dengan warga Kementerian Kewangan ketika menghadiri Majlis Rumah Terbuka di Kementerian Kewangan, Putrajaya, semalam, - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA**

gara (MTEN) di sini semalam.

Anwar bagaimanapun tidak menjelaskan lebih lanjut mekanisme khusus bagi pelaksanaan kadar tarif elektrik berkenaan.

Media sebelum ini melaporkan, Kementerian Sumber Asli,

Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dijangka mengkaji semula subsidi kadar tarif elektrik bagi golongan T20 di negara ini.

Menterinya, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, kategori T20 itu dilihat mampu untuk membayar tarif yang lebih kom-

petitif (harga pasaran) bagi memastikan hanya golongan sasaran yang layak memperoleh manfaat subsidi kadar tarif elektrik itu.

Tahun lalu, kerajaan memutuskan, tarif elektrik bagi pengguna bukan domestik bertekanan sederhana dan tinggi dikenakan surcaj pada kadar 20 sen/kWj.

Sementara itu Perdana Menteri ketika berucap dalam perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri, memberi jaminan tidak ada lagi sebarang percubaan untuk sabotaj kerajaan sedia ada sekurangnya dalam tempoh beberapa tahun sehingga Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang.

Menurutnya, Konvensyen Kerajaan Perpaduan yang diadakan kelmarin menetapkan satu bentuk kerajaan kukuh melalui komitmen daripada parti-parti utama yang membentuk Kerajaan Perpaduan membabitkan Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS) serta Warisan.